



SIARAN MEDIA

HARI RIZAB BIOSFERA ANTARABANGSA 2025 (*INTERNATIONAL DAY FOR BIOSPHERE RESERVES 2025*)

Tarikh 3 November merupakan tarikh yang telah ditetapkan oleh *United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organisation* (UNESCO) sebagai Sambutan Hari Rizab Biosfera Antarabangsa (*International Day for Biosphere Reserves*) yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan melalui rizab biosfera di bawah Program *Man and the Biosphere* (MAB) di seluruh dunia.

Program MAB merupakan program saintifik antara Kerajaan di bawah UNESCO yang menetapkan asas saintifik bagi memperkukuh hubungan antara manusia dengan alam sekitar. Penglibatan Malaysia dalam program MAB ini melambangkan komitmen negara di peringkat antarabangsa, selari dengan Tindakan 8.5 Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan 2022-2030, iaitu menambah keluasan kawasan berkepentingan antarabangsa bagi pemuliharaan biodiversiti.

Sambutan Hari Rizab Biosfera Antarabangsa kali ini lebih istimewa apabila Kinabatangan, Sabah berjaya diiktiraf sebagai tapak rizab biosfera baharu pada 27 September 2025 selain Rizab Biosfera Banjaran Crocker, Sabah yang turut berjaya melepasi penilaian *periodic review* program MAB. Rizab Biosfera Kinabatangan yang berkeluasan sebanyak 413,866 hektar merupakan tapak rizab biosfera keempat Malaysia selepas Tasik Chini, Pahang (2009), Banjaran Crocker (2014) dan Bukit Bendera, Pulau Pinang (2021).

Keempat-empat tapak rizab biosfera di Malaysia adalah sebahagian daripada 784 tapak daripada 142 negara seluruh dunia di bawah jaringan *World Network of Biosphere Reserves* (WNBR) yang mempromosikan pendekatan inovatif dalam pembangunan lestari yang harmoni antara manusia dan alam.

Ciri-ciri rizab biosfera yang membataskan kawasan teras (*core area*), zon penampan (*buffer zone*) dan zon transisi (*transition zone*) menjadikan rizab biosfera ini sebagai tapak pembelajaran yang sesuai dalam mengaplikasikan secara langsung usaha-usaha pemuliharaan, pembangunan lestari serta jaringan penyelidikan antarabangsa.

Sempena Hari Rizab Biosfera Antarabangsa 2025, NRES menyeru Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk bersama-sama mencalonkan tapak-tapak baharu yang berpotensi untuk dijadikan sebagai tapak rizab biosfera di Malaysia.

Kementerian akan sentiasa mendukung usaha murni ini dalam memastikan kekayaan khazanah biodiversiti dilindungi dan dipelihara untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
4 NOVEMBER 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

